Kerajaan Malaysia lwn Chen Boon Heow (sebagai penyelesai kepada Sykt Sin Hwa Plantations Sdn Bhd)

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — SAMAN PEMULA NO 21-35 TAHUN 1999
ABDULL HAMID EMBONG H
17 NOVEMBER 1999

Acara Sivil — Res judicata — Keputusan, kemuktamadan keputusan terdahulu — Tuntutan untuk cukai yang masih belum dijelaskan — Mahkamah Persekutuan menolak penghakiman terus — Notis pemberhentian oleh plaintif — Penggulungan plaintif secara sukarela kemudiannya — Sama ada plaintif boleh memfailkan bukti hutang terhadap pembayar cukai — Sama ada res judicata

Lembaga Hasil Dalam Negeri ('LHDN') telah memfailkan bukti hutang terhadap Sykt Sin Hwa Plantations Sdn Bhd ('syarikat tersebut') setelah diberitahu oleh likuidator syarikat tersebut, pihak responden, bahawa syarikat tersebut telah diletakkan dibawah penggulungan secara sukarela. Responden telah menolak bukti hutang pemohon. Seterusnya, pemohon, melalui LHDN, telah membuat permohonan dibawah k 93 Peraturan Penggulungan Syarikat 1972, untuk perintah supaya bukti hutang tersebut ditetapkan dan responden menjelaskan jumlah yang disebut di dalam bukti hutang daripada hasil kutipan daripada jualan aset syarikat tersebut. Latarbelakang kes ini bermula sejak 1979, apabila LHDN menyaman syarikat tersebut untuk bayaran sejumlah wang sebagai cukai yang dikatakan dihutang oleh syarikat tersebut. Penolong kanan pendaftar ('PKP') membenarkan permohonan LHDN untuk mencatatkan penghakiman terus. Hakim dalam kamar telah mengesahkan keputusan LHDN. Syarikat tersebut telah merayu kepada Mahkamah Persekutuan pada Januari 1986 dan Mahkamah Persekutuan telahpun menolak penghakiman terus tersebut. Setelah LHDN tidak mengambil sebarang langkah untuk meneruskan tuntutannya terhadap syarikat tersebut, dan pada Jun 1998, LHDN telah menulis kepada syarikat tersebut bahawa tuntutan terhadapnya akan diberhentikan. Kedua-dua pihak kemudiannya menandatangani notis pemberhentian tersebut. Responden membantah permohonan pemohon oleh kerana res judicata dan kecuaian LHDN.

Diputuskan, menolak permohonan tersebut:

(1) Melalui notis pemberhentian LHDN, tuntutannya terhadap syarikat tersebut telah berakhir, dan oleh itu keputusan Mahkamah Persekutuan untuk menepikan penghakiman terus tersebut merupakan keputusan muktamad. Oleh yang demikian, LHDN diikat oleh doktrin res judicata, dan tidak sepatutnya dibenarkan meneruskan tuntutannya terhadap syarikat tersebut melalui permohonan ini (lihat ms 752B–D, 753G).

(2) Kelewatan LHDN dalam membuat tuntutannya telah memprejudiskan pemohon. LHDN sepatutnya meneruskan

tuntutannya setelah Mahkamah Persekutuan memberikan keputusannya. Tiada alasan yang telah diberi oleh LHDN berkenaan dengan kelewatannya, dan walau bagaimanapun, LHDN telah memberhentikan tuntutannya selepas itu. Menurut kelakuan LHDN, ia boleh dikatakan bahawa LHDN telah menerima keputusan Mahkamah Persekutuan dan bersetuju bahawa syarikat tersebut mempunyai pembelaan terhadap tuntutan asal LHDN. Oleh itu, permohonan kini merupakan penyalahgunaan proses mahkamah dan patut ditolak (lihat ms 753H–I, 754A–B).

(3) Memandangkan syarikat tersebut mempertikaikan tuntutan asal untuk penjalasan cukai oleh LHDN, LHDN tidak patut dibenarkan menuntut daripada responden hanya melalui penyampaian bukti hutang. Cukai tersebut yang dipertikaikan oleh syarikat tersebut tidak boleh dijelaskan tanpa keterangan viva voce (lihat ms 753E–F).

[**English summary**

The Inland Revenue Board ('IRB') filed a proof of debt in respect of Sykt Sin Hwa Plantations Sdn Bhd ('the company') after it was informed by the company's liquidator, the respondent, that the company had been placed under voluntary winding up. The respondent rejected the applicant's proof of debt. Consequently, the applicant, through IRB, made an application under r 93 of the Companies Winding Up Rules 1972, for the orders that the proof of debt be maintained and that the respondent pay the amount specified in the proof of debt from the sale proceeds of the company's assets. The background to this case went back to 1979 when IRB sued the company for the payment of a certain sum of money being taxes purportedly owed by the company. The senior assistant registrar ('SAR') granted IRB's application for summary judgment. The judge in chambers affirmed the SAR's decision. The company appealed to the Federal Court in January 1986 and the Federal Court set aside the summary judgment. Thereafter, IRB did not take any further steps to proceed with its action against the company and in June 1998, IRB wrote to inform the company that it would discontinue its claim against the company. Both the parties then signed the discontinuance notice. The respondent objected to the applicant's application on the grounds of res judicata and laches on the part of IRB.

Held, dismissing the application:

(1) By virtue of the discontinuance notice by IRB, its claim against the company was treated as ended and as such the Federal Court's decision to set aside the summary judgment constituted a final decision. Hence, IRB was bound by the doctrine of res judicata and should not therefore be permitted to restore its claim through this application (see pp 752B–D, 753G).

(2) IRB's delay in prosecuting its claim had prejudiced the applicant's position. IRB ought to have proceeded with its claim after the Federal Court had given its decision. No explanation was given by IRB for its delay and in any event, IRB had subsequently decided to discontinue its claim. By IRB's conduct, it can be concluded that IRB had accepted the Federal Court's decision and had agreed that the company had a defence to IRB's original claim. As such, the instant application was an abuse of the court process and ought to be dismissed (see 753H–I, 754A–B).

(3) Since the company disputed IRB's original claim for the payment of taxes, IRB should not be allowed to demand from the respondent by merely serving the proof of debt. The taxes, which were disputed by the company, could not be paid without viva voce evidence (see pp 754E–F).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai keputusan, kemuktadan keputusan terdahulu, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan-perenggan 3976–3988.

Kes-kes yang dirujuk

Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti [1995] 3 MLJ 189 (dirujuk)

Cheah Kim Tong v Taro Kaur [1989] 3 MLJ 252 (dirujuk)

Haji Hussin bin Hj Ali & Ors v Datuk Haji Mohamed bin Yaacob & Ors [1983] 2 MLJ 227 (dirujuk)

Jurupakat Sdn Bhd v Kumpulan Good Earth Sdn Bhd [1988] 3 MLJ 49 (dirujuk)

Lympne Investments Ltd, Re [1962] 1 ER 121 (dirujuk)

Yat Tung Investments Co Ltd v Dao Heng Bank Ltd & Anor [1975] AC 581 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk:

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14
Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat 1972 k 93

Noor Kamaliah Mohd Japeri (Pegawai Undang-Undang, Lembaga Hasil Dalam Negeri) bagi pihak plaintif/perayu.

James Loh (*James CY Loh & Co*) bagi pihak defendan/responden.

Abdul Hamid Embong H: Pemohon, melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri ('LHDN'), telah membuat rayuan di bawah k 93 Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat 1972, untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

(a) bukti hutang bertarikh 6 Mei 1997 yang difailkan oleh plaintif dikekalkan;

(b) defendan membayar kepada plaintif jumlah tuntutan seperti di dalam bukti hutang daripada pelupusan aset-aset syarikat;

(c) relif lain atau selanjutnya yang mahkamah ini menganggap adil dan suaimanfaat; dan

(d) kos permohonan ini dibayar oleh defendan.

Pada 6 Mei 1997, LHDN telah menyampaikan bukti hutang terhadap Syarikat Sin Hwa Plantations Sdn Bhd (dalam penggulungan) menuntut hutang terakru daripada Sin Hwa wang sejumlah RM618,394.67, dikatakan sebagai cukai masih tertunggak pada tarikh perintah penggulungan syarikat tersebut iaitu 12 Mei 1996. Bukti hutang tersebut diserahkan kepada Sin Hwa setelah LHDN dimaklumkan oleh penyelesai (liquidator) Sin Hwa, En Chen Boon Heow (responden dalam kes ini) bahawa Sin Hwa telah diletakkan di bawah perintah penggulungan secara sukarela dan defendan telah meminta pengesahan LHDN tentang tanggungan cukai oleh Sin Hwa (lihat eksh MN–4 kand 2). Setelah bukti hutang (eksh MN–2) disampaikan kepada responden, responden telah menolak bukti hutang tersebut melalui satu notis (lihat eksh MN–1) dalam mana alasan-alasan penolakan telah diberikan oleh defendan. Secara ringkasnya, alasan secara bantahan awal yang dikemukakan oleh defendan adalah berlandaskan prinsip undang-undang 'res judicata' dan juga bahawa LHDN telah bersalah atas sebab kelewatannya (laches) dan oleh itu tindakan LHDN untuk menguatkuasakan tuntutannya melalui prosiding penggulungan syarikat Sin Hwa adalah satu salahguna proses undang-undang dan merupakan tindakan yang menyusahkan (vexatious).

Alasan yang dikemukakan untuk menentang permohonan LHDN ini terdapat di dalam afidavit yang diikrarkan oleh responden di kand 5 dan 8 di mana latar belakang kes juga telah dihuraikan. Alasan responden tertumpu kepada isu bantahan awal yang disebutkan di atas, tanpa mengambil kira merit tuntutan LHDN terhadap baki cukai yang terakru.

Sin Hwa telah diminta oleh LHDN untuk menjelaskan baki cukainya bagi tahun-tahun 1979 (RM519,583.60) dan 1980 (RM26,269.20) di bawah s 108 Akta Cukai Pendapatan 1967 (lihat eksh MN–1 kand 7). Terhadap baki cukai ini, LHDN telah memperoleh penghakiman terus bagi wang sejumlah RM630,459.97 di bawah A 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, di hadapan pendaftar dan di peringkat rayuan ke hakim dalam kamar di dalam GS 796/82. Bagaimanapun, pada 21 Januari 1986, di Mahkamah Persekutuan, keputusan Mahkamah Tinggi telah diketepikan dan defendan (Sin Hwa) diberi kebebasan tanpa syarat untuk membela tuntutan LHDN berdasarkan pernyataan tuntutannya bertarikh 13 Februari 1983. (Sila lihat perintah Mahkamah Persekutuan di eksh CBH-1 di kand 8). Sebenarnya, pada 18 Februari 1983, Sin Hwa telahpun memfailkan pernyataan pembelaannya. LHDN juga diperintahkan untuk bayaran kos bagi tindakannya mendapatkan penghakiman terus di Mahkamah Tinggi. Tiada apa-apa tindakan diambil oleh LHDN selepas perintah Mahkamah Persekutuan pada 21 Januari 1986 untuk meneruskan tuntutannya. Sin Hwa telah digulungkan pada 12 Mei 1996. Pada 13 Jun 1998, LHDN telah menulis kepada responden menyatakan bahawa LHDN

akan menarik balik tuntutannya (lihat eksh CBH-3 di kand 10). Notis pemberhentian kesnya juga telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak (lihat eksh CBH-2 di kand 8). Bagaimanapun, LHDN juga menyatakan hasratnya untuk tidak menarik balik bukti hutang yang telah disampaikan ke atas responden, dan memberi pandangan bahawa bukti hutang itu tidak bergantung kepada sesuatu penghakiman mahkamah (lihat eksh CBH-3).

Peguam responden, En James Loh, telah berhujah bahawa dengan adanya notis pemberhentian oleh LHDN, maka tuntutannya adalah dianggap telah selesai, dan oleh itu, keputusan Mahkamah Persekutuan pada 21 Januari 1986 adalah muktamad. Permohonan ini, hujah peguam, merupakan helah LHDN untuk menghidupkan balik tuntutannya yang sudah selesai. Tambahan lagi, dalam keadaan Sin Hwa telahpun digulung, LHDN tidak sepatutnya dibenarkan membuat tuntutannya. Encik Loh juga berhujah bahawa di peringkat rayuan ke atas penghakiman terus, Mahkamah Persekutuan telah mempertimbang tuntutan LHDN dan telah membenarkan perayu/defendan membela kes ini.

LHDN telah gagal mengambil apa-apa tindakan selama 13 tahun dan selain daripada prinsip mencegah kelewatan (laches), LHDN juga terikat dengan doktrin res judicata dan tidak boleh dengan permohonan ini cuba mengungkit kembali tuntutannya.

Mahkamah ini bersetuju dengan hujah peguam responden di atas isu res judicata ini. Majlis Privy dalam kes *Yat Tung Investments Co Ltd v Dao Heng Bank Ltd & Anor* [1975] AC 581 pernah menyarankan:

> But there is a wider sense in which the doctrine may be appealed to, so that it becomes an abuse of process to raise in subsequent proceedings matters which could and therefore should have been litigated in earlier proceedings. The locus classicus of that aspect of res judicata is the judgment of Wigram VC in *Henderson v Henderson* (1843) 3 Hare 100, 115, where the judge says:
>
> > '... where a given matter becomes the subject of litigation in, and of adjudication by, a court of competent jurisdiction, the court requires the parties to that litigation to bring forward their whole case, and will not (except under special circumstances) permit the same parties to open the same subject of litigation in respect of a matter which might have been brought forward as part of the subject in contest, but which was not brought forward, only because they have, from negligence, inadvertence, or even accident, omitted part of their case. The plea of res judicata applies, except in special cases, not only to points upon which the court was actually required by the parties to form an opinion and pronounce a judgment, but to every point which properly belonged to the subject of litigation, and which the parties, exercising reasonable diligence, might have brought forward at the time'.

dan seterusnya, menjelaskan tentang had kegunaan doktrin ini dengan berkata:

> The Vice-Chancellor's phrase 'every point which properly belonged to the subject of litigation' was expanded in *Greenhalgh v Mallard* [1947] 2 All ER 255 at p257, by Somervell LJ:
>
> > '... res judicata for this purpose is not confined to the issues which the court is actually asked to decide, but ... it covers issues or facts which are

A so clearly part of the subject matter of the litigation and so clearly could have been raised that it would be an abuse of the process of the court to allow a new proceeding to be started in respect of them'.

Pendirian yang sama juga diambil oleh Mahkamah Agung dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti* [1995] 3 MLJ 189, yang telah B menerimapakai prinsip yang diputuskan dalam kes *Henderson*. Ingin saya memetik keputusan Mahkamah Agung seperti yang dilaporkan dalam MLJ berbunyi:

(1) Apabila sesuatu perkara di antara dua pihak telahpun dihakimi dan diputuskan oleh sesuatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten, mereka dan privi mereka adalah tidak dibenarkan untuk C membuat litigasi sekali lagi res judicata itu, kerana penghakiman itu menjadi kebenaran di antara pihak tersebut. Sebagai hasilnya, suatu 'estoppel per rem judicatum' telah dibentuk.

(2) Terdapat dua jenis 'estoppel per rem judicatum' iaitu estopel kausa tindakan dan estopel isu. Estopel kausa tindakan menghalang penegasan semula suatu kausa tindakan yang telahpun diputuskan dalam suatu D penghakiman muktamad di antara pihak yang sama. Sebaliknya, estopel isu menghalang penyangkalan kebetulan suatu penghakiman muktamad oleh pihak yang sama di dalam suatu prosiding yang berikut. Selanjutnya pihak-pihak yang berkenaan juga dihalang daripada membangkitkan sesuatu kausa tindakan atau isu yang seharusnya dibangkitkan tetapi tidak dibangkitkan di dalam prosiding yang terdahulu, sama ada dengan E sengaja atau tidak sengaja.

(3) Tidak seperti estopel biasa yang harus dinyatakan di dalam pliding, mahkamah mempunyai bidang kuasa sedia ada untuk menolak suatu tindakan dengan menggunakan doktrin res judicata, yang merupakan suatu estopel berdasarkan polisi awam, walaupun ia tidak dinyatakan dalam pliding, oleh kerana polisi awam mengkehendaki supaya terdapat F kemuktamadan di dalam litigasi.

Berdasarkan keputusan mahkamah-mahkamah tertinggi di atas, saya memutuskan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan pada 21 Januari 1986 untuk mengetepikan penghakiman terus yang diperolehi LHDN, dan seterusnya kegagalannya untuk meneruskan pendakwaan kesnya, serta G keputusan LHDN untuk memberhentikan tindakan ini (walaupun notis pemberhentian telah tidak difailkan) telah menimbulkan keadaan di mana penghakiman Mahkamah Persekutuan tersebut menjadi satu kebenaran yang kini muktamad dan terikat kepada LHDN mengikut doktrin res judicata.

H Mahkamah juga memutuskan bahawa kesepian LHDN untuk bertindak dan mendakwa kesnya selama 13 tahun ini juga memprejudiskan kedudukan pemohon. Seharusnya LHDN meneruskan tuntutannya selepas keputusan Mahkamah Persekutuan itu. Tiada pula penjelasan diberi mengapa LHDN telah gagal berbuat demikian. Bagaimanapun setelah meneliti latar belakang permohonan ini, adalah jelas kepada mahkamah ini I bahawa sebenarnya LHDN telah berniat untuk tidak meneruskan dengan tuntutan asalnya melalui writ samannya. Kini di peringkat penggulungan Syarikat Sin Hwa, LHDN telah cuba menghidupkan kembali tuntutan asal

dengan cara jalan yang lain iaitu dengan menggunakan bukti hutang. Kelewatan untuk bertindak oleh LHDN selama ini, bagi saya, membawa kesimpulan bahawa LHDN telah menerima keputusan Mahkamah Persekutuan dan mengakui bahawa defendan (Sin Hwa) mempunyai pembelaan terhadap tuntutan asal LHDN. Oleh itu, mahkamah ini telah mengambil kira faktor kelewatan melampau oleh LHDN dan memutuskan bahawa permohonannya sekarang merupakan satu proses yang disalahgunakan, dan harus dibatalkan (lihat *Cheah Kim Tong v Taro Kaur* [1989] 3 MLJ 252).

Relief yang diminta oleh LHDN dalam permohonan ini adalah sebenarnya agar mahkamah ini membuat satu deklarasi yang LHDN berhak menuntut jumlah wang yang dinyatakan dalam bukti hutangnya. Dalam melaksanakan kuasa budi bicaranya untuk membenarkan relief sebegini, mahkamah boleh mengambil kira keadaan sekeliling kes ini dan menolak permohonan ini dalam keadaan di mana telah didapati sebagai fakta yang tidak dicabar, bahawa LHDN telah bersalah dengan kelewatan melampau dan telah berdolak-dalik tanpa munasabah (guilty of inordinate delay and unreasonable vaccillation — lihat kes Mahkamah Agung, *Haji Hussin bin Hj Ali & Ors v Datuk Haji Mohamed bin Yaacob & Ors* [1983] 2 MLJ 227).

Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujah En Loh bahawa LHDN tidak seharusnya dibenarkan menuntut daripada responden secara penyampaian baki hutang oleh kerana tuntutan itu pada asalnya telah dipertikaikan oleh Sin Hwa dalam tuntutan asal. Kini, di peringkat penggulungan syarikat itu, tidak mungkin pertikaian terhadap cukai yang dikatakan masih terakru dapat dituntut tanpa mendengar keterangan viva voce. (Lihat *Re Lympne Investments Ltd* [1962] 1 All ER 121, dan *Jurupakat Sdn Bhd v Kumpulan Good Earth Sdn Bhd* [1988] 3 MLJ 49). Atas sebab-sebab di atas, rayuan oleh LHDN ini ditolak dengan kos.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Andrew Christopher Simon